

No. eISSN:2716-6619



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

eBuletin FSB

EDISI JULAI-DISEMBER 2023

fsb.umk.edu.my FAKULTI SAINS BUMI





Hak Cipta FSB, 2024

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Fakulti Sains Bumi.

Judul buku: Buletin Fakulti Sains Bumi

Edisi Julai – Disember 2023

Nombor e-ISSN: 2716-6619

Disediakan oleh:

Fakulti Sains Bumi

Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli, 17600 Jeli,
Kelantan, Malaysia.

Tel : +609-9477341

Emel: fsb@umk.edu.my

Website: <https://fsb.umk.edu.my>



ISI KANDUNGAN

JAPAN-STUDENT MOBILITY AND CULTURAL EXCHANGE PROGRAM (J-CAMP) 2023	06
PENGANJURAN EXPERT@FSB SIRI 1	09
PENGANJURAN EXPERT@FSB SIRI 2	10
BENGKEL PENYEDIAAN PROJEK PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR I , PROGRAM SAINS SUMBER ASLI	11
KEM PERINTIS PRIHATIN SUMBER AIR DAN ALAM SEKITAR (KPPSA 2023) ZON PANTAI TIMUR	11
KEM REMAJA PRIHATIN SUMBER AIR DAN ALAM SEKITAR (KRPSA 2023)	14
PROGRAM “WASTE TO WEALTH” SEMPENA KEMPEN 3R@UMK 3.0, 2023	16
FSB WEALTH HUB : KE ARAH PEMBENTUKAN KOMUNITI LESTARI	17
IKATAN KEKELUARGAAN PELAJAR TAHUN 1 DAN PELAJAR SENIOR PROGRAM SAINS SUMBER ASLI	19
KURSUS HANDS-ON MEASUREMENT OF UNCERTAINTY DI AIN MEDICARE SDN BHD	20
PROGRAM PEMERKASAAN SUKARELAWAN BAGI PENGURANGAN DAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA DI NEGERI KELANTAN	21
PEMBENTANGAN CADANGAN PROJEK PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR I PROGRAM SAINS SUMBER ASLI (SEN)	23
MOBILITI PELAJAR GIS SECARA MAYA	24

WORLD GIS DAY 2023 PERINGKAT UMK KAMPUS JELI	25
KERJA LAPANGAN SEG 2: KURSUS SEDIMENTOLOGI, GEOMORFOLOGI SERTA STRATIGRAFI DAN SEJARAH BUMI	27
PROGRAM GEOSCIENCE@SCHOOL 2023	28
KERJA LAPANGAN BAGI KURSUS ELEKTIF PEMANTAUAN AIR BAWAH TANAH (EGE4312)	29
KERJA LAPANGAN KURSUS PENGURUSAN EKOPELANCONGAN (ENE3183) DAN PENILAIAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI (ENT3322) PROGRAM SAINS SUMBER ASLI	30
PROGRAM PERSIJILAN PROFESIONAL PENJAGAAN DAN KESELAMATAN POKOK	32
LAWATAN AKADEMIK PELAJAR TAHUN 4 PROGRAM SAINS KELESTARIAN	34
KEM PERSEDIAAN DAN KEPIMPINAN BAGI PROGRAM UNESCO WORLD HERITAGE VOLUNTEERS 2023	36
KITAR SEMULA MINYAK TERPAKAI BERSAMA PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTAN ISMAIL, KOTA BHARU KELANTAN	37
PEMANTAPAN PROJEK PENYELIDIKAN MELALUI KLINIK STATISTIK	38
HARI PENASIHATAN AKADEMIK FAKULTI SAINS BUMI 2023 DISAMBUT MERIAH	39



Penasihat

**Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Faiz
Bin Mohd Amin**

**Prof. Madya Dr. Norrimi Rosaida Bt
Awang**

Dr. Muhamad Azahar Bin Abas

Ketua Editor

Dr Hamzah Hussin

Editor

Dr. Hafzan Eva Binti Mansor

Ts. Dr. Mohd Sukhairi Bin Mat Rasat

Dr. Jayaraj Vijaya Kumaran

Pn. Farah Khaliz Binti Kedri

Cik Nor Sayzwani Binti Sukri





JAPAN-STUDENT MOBILITY AND CULTURAL EXCHANGE PROGRAM (J-CAMP) 2023

Oleh Ts Dr Noor Janatun Naim Binti Jemali

Program Student Mobility and Cultural Exchange ke Jepun merupakan program inisiatif Kelab Explorimba sejak tahun 2020. Pendemik COVID-19 menyebabkan program sebelum ini dijalankan diatas talian. Pada tahun 2023, program ini telah dirangka untuk jalankan secara fizikal bertujuan untuk menjalinkan kerjasama lebih erat di antara beberapa universiti di Jepun melalui aspek pertukaran budaya (Malaysia-Jepun), kesukarelawanan, kepimpinan serta aktiviti penyelidikan disamping mempromosikan UMK.

Tujuan utama program adalah bagi mendedahkan pelajar kepada peningkatan sahsiah (kepimpinan dan komunikasi) melalui program seminar yang di adakan antara pelajar Mie University dan UMK. Ini memberi peluang untuk para pelajar bertukar idea tentang kepakaran, teknologi, kajian dan pembangunan inovasi baharu antara universiti. Selain itu lawatan ke Kyoto University dan Kokugakuin University memberi peluang kepada pelajar berinteraksi dengan pelajar dan staf universiti dalam mencari peluang mengembangkan jaringan hubungan dan peluang menyambung pelajaran di peringkat sarjana.



Program mobiliti jangka pendek ini telah berjaya dijalankan pada 23 November hingga 2 Disember 2023 yang melibatkan sebelas orang pelajar dari empat buah fakulti daripada dua kampus berbeza (Kampus Jeli dan Kampus Kota). Program dikoordinasikan oleh pensyarah FSB merangkap penasihat kelab Explorimba, Ts Dr Noor Janatun Naim Jemali. Turut serta Dekan dan Timbalan Dekan Akademik & Antarabangsa FSB bagi menghadiri mesyuarat kerjasama antara universiti dan perbincangan dengan syarikat swasta di Tokyo berkaitan kelestarian karbon. Program ini mendapat tajaan sebanyak RM4000.00 daripada Pejabat HEPA dibawah tabung amanah pembangunan pelajar dan selebihnya adalah dari syarikat-syarikat penaja dan individu. J-CaMP pada kali ini telah berjaya mencapai objektifnya dan program ini banyak memberi impak positif kepada pelajar mahupun universiti-universiti yang terlibat. Diharapkan program seperti ini dapat dijalankan setiap tahun bagi memastikan kemenjadian pelajar dari segenap segi dan membuka mata serta peluang pelajar UMK bagi mendepani cabaran dimasa hadapan.

The poster features five diverse university students standing outdoors. From left to right: a male student in a dark hoodie with 'UMK' on it; a female student in a yellow hijab; a male student in a dark hoodie with 'I ❤️ UMK' and a Malaysian flag patch; a female student in a dark hoodie with a Malaysian flag patch; and a male student in a dark hoodie with a Japanese flag patch. Behind them are two flags: the Malaysian flag on the left and the Japanese flag on the right. In the background, there's a traditional building and trees. The Universiti Malaysia Kelantan logo is in the top right corner. The main title 'STUDENT MOBILITY AND CULTURAL EXCHANGE' is at the bottom in large red and black letters. Below it, it specifies 'Kyoto University, Kyoto', 'Mie University, Tsu', and 'Kokugakuin University, Tokyo'. The dates '24 November 2023 - 1 December 2023' and the location 'Faculty of Earth Science, Universiti Malaysia Kelantan' are also mentioned. A red banner at the bottom contains the text 'ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST'. Logos for various accreditation and ranking bodies are at the very bottom.

**STUDENT MOBILITY
AND CULTURAL EXCHANGE**

Kyoto University, Kyoto Mie University, Tsu Kokugakuin University, Tokyo

24 November 2023 - 1 December 2023

Faculty of Earth Science, Universiti Malaysia Kelantan

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST

1 NO. ENTREPRENEURSHIP UNIVERSITY IN ASEAN
THE IMPACT RANKINGS 2022
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS
GO GREEN CERTIFIED

f t i in d y OfficialUMK

PENGANJURAN EXPERT@FSB SIRI 1

Pengenalan kepada MS ISO/IEC 17025:2017

Oleh FSB Laboratories

EXPERT@FSB: Webinar Series merupakan satu program perkongsian oleh tenaga pakar FSB yang berbayar secara atas talian rentetan daripada program EXPERT@FSB. EXPERT@FSB: Webinar Series Siri 1 : Pengenalan kepada MS ISO/IEC 17025:2017 telah dianjurkan pada 31 Julai 2023. ChM Dr. Noor Syuhadah Subki merangkap koordinator Makmal Berakreditasi FSB iaitu Makmal Analisa Analis Alam Sekitar. Pada sesi ini penceramah memperkenalkan pengaplikasian MS ISO/IEC 17025:2017 dalam pengurusan makmal yang menjadi tunjang kepada sistem pengurusan makmal yang lebih baik dan dipercayai.



**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAH**

EXPERT@FSB:

WEBINAR: INTRODUCTION TO MS ISO/IEC 17025:2017

DATE : 31st July 2023
TIME : 0900 AM- 1200PM
PLATFORM: ZOOM

SPEAKER:



ChM. Ts. Dr. Noorsyuhadah Binti Subki
 Senior Lecturer
 Faculty of Earth Science
 UMK Jeli Campus

SHARING ON

MS ISO/IEC 17025:2017
MANAGEMENT REQUIREMENTS
TECHNICAL REQUIREMENTS

ORGANIZED BY:
FSB LABORATORIES
 (MS ISO/IEC 17025:2017 ACCREDITED LAB)





PENGANJURAN EXPERT@FSB SIRI 2

Introduction to Spectroscopy and Its Application in Applied Science

Oleh FSB Laboratories

EXPERT@FSB merupakan satu program perkongsian oleh tenaga pakar FSB yang berbayar dan melibatkan penggunaan alatan makmal yang berteknologi tinggi di makmal FSB. Introduction to Spectroscopy and Its Application in Applied Science telah dijalankan pada 4 Julai 2023. Kursus ini memberikan pencerahan dalam penggunaan teknologi spektroskopi iaitu teknologi yang menggunakan interaksi antara gelombang elektromagnet dengan jirim untuk menentukan struktur sesuatu jirim terutamanya struktur molekul. ChM Dr. Rozidaini Binti Mohd Ghazi telah dijemput untuk berkongsi pengetahuan dalam bidang ini. Terdapat tiga jenis alat spektroskopi yang dapat dipelajari di dalam kursus ini iaitu Atomic absorption spectroscopy (AAS), UV-Vis Spectrophotometer and Fourier-transform infrared spectroscopy (FTIR). Peserta juga diberikan pendedahan penggunaan AAS secara amali bagi meningkatkan daya pemahaman peserta terhadap aplikasi teknologi ini.



BENGKEL PENYEDIAAN PROJEK PENYELIDIKAAN TAHUN AKHIR I , PROGRAM SAINS SUMBER ASLI

Oleh Gs Nur Kyariatul Syafinie Abdul Majid



Bengkel Penyediaan Projek Penyelidikan I adalah untuk memberi taklimat berkenaan kursus Projek Penyelidikan Tahun Akhir serta pendedahan kepada pelajar berkenaan cara penulisan saintifik. Kursus ini merupakan kursus wajib bagi setiap pelajar yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan oleh Fakulti Sains Bumi di bawah jurusan Sains Sumber Asli (SEN). Para pelajar perlu mempelajari cara menjana idea, perancangan dan pengurusan penyelidikan sehingga penerbitan tesis. Mereka harus melalui pelbagai segmen iaitu cetusan idea, kajian literatur yang menyeluruh, penggubalan soalan penyelidikan, reka bentuk kajian yang sepatutnya, sumber pendanaan yang mungkin, pengaliran penyelidikan, analisis data yang diperoleh, tafsiran yang tepat mengenai hasil dan penerbitan dalam tesis.

Bengkel yang diadakan pada 4 November 2023 bertempat di Bilik Camelia FSB dikelolai oleh Gs Nur Kyariatul Syafinie Abdul Majid sebagai moderator/penceramah. Turut serta adalah Ts Gs Noor Janatun Naim Jemali, Dr. Nurul Irene Hanie dan Cik Sharifah Aisyah Syed Omar sebagai penceramah jemputan kepada 86 orang pelajar SEN.

KEM PERINTIS PRIHATIN SUMBER AIR DAN ALAM SEKITAR (KPPSA 2023) ZON PANTAI TIMUR

Oleh Ts Dr Noor Janatun Naim Binti Jemali



Kem Perintis Prihatin Sumber Air dan Alam Sekitar (KPPSA 2023) merupakan satu inisiatif dalam memupuk kesedaran di kalangan generasi muda dalam memastikan kelestarian sumber air dan alam sekitar Negara terpelihara. Program yang diterajui oleh Dr Noor Janatunnaim (wakil UNESCO-IHP UMK) ini dirasmikan oleh Encik Nasarudin Nazir (sekretariat kerja UNESCO-IHP Malaysia) di adakan di UMKKJ. Program ini ditaja sepenuhnya oleh UNESCO-IHP Malaysia dengan kerjasama agensi dan institusi seperti JPS, UMT, UNISHAMS dan JPNK. Seramai 50 peserta sekolah rendah berusia 9-12 tahun daripada 7 buah sekolah telah dipersiapkan agen perubahan dan penyebar ilmu bagi melalui program ini. Melalui program ini juga kesedaran dalam memastikan kelestarian sumber alam di kalangan rakan sebaya dapat ditingkatkan dan menjadi contoh untuk generasi akan datang.

KPPSA kali ini akan memberikan latihan secara langsung yang melibatkan aktiviti lapangan yang berkaitan beberapa aspek pengurusan sumber air dan alam sekitar seperti fungsi, kepentingan dan cara penjimatan air, aliran air sungai, penghijauan bumi, teknik 3R dan kitar semula. Jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini termasuk ibubapa dan pihak sekolah kerana telah memberikan kepercayaan kepada pihak kami untuk bersama-sama menganjurkan KPPSA pada 2023 Zon Pantai Timur pada kali ini.



KEM REMAJA PRIHATIN SUMBER AIR DAN ALAM SEKITAR (KRPSA 2023)

Oleh Ts Dr Noor Janatun Naim Binti Jemali



Kem Remaja Prihatin Sumber Air dan Alam Sekitar (KRPSA 2023) Zon Pantai Timur adalah rentetan dari Kem Perintis Prihatin Sumber Air (KPPSA) 2023. Program anjuran Fakulti Sains Bumi , Universiti Malaysia Kelantan dengan kerjasama pihak UNESCO-IHP. KRPSA 2023 merupakan satu inisiatif dalam memupuk kesedaran di kalangan remaja khususnya murid orang asli (MOA) dalam memastikan kelestarian sumber air dan alam sekitar Negara terpelihara. Program ini diketuai oleh Ts Dr Noor Janatunnaim (wakil UNESCO-IHP UMK) dan telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli pada 30 Oktober 2023 atas kebenaran Pejabat Pendidikan Daerah Jeli.



Program ini ditaja sepenuhnya oleh UNESCO-IHP Malaysia dengan kerjasama agensi lain seperti American Corner Kelantan. Seramai 35 peserta sekolah menengah berusia 13-17 tahun telah menyertai program ini. Mereka diajarkan cara penjimatan air, menjaga alam sekitar dengan pengenalan kepada konsep 3R dan aktiviti fizikal menggunakan air sebagai medium.



Objektif utama penganjuran KRPSA 2023 ini adalah bagi memupuk kesedaran awam berkaitan kepentingan penjagaan sumber air dan alam sekitar pada peringkat remaja yang berfokus kepada murid orang asli. Ini dijalankan dengan memberi kefahaman secara teori dan praktikal berkaitan kepentingan penjagaan sumber air, memupuk semangat memelihara alam sekitar dan cintakan sumber air supaya daripada program ini, ianya dapat melahirkan masyarakat orang asli yang mempunyai pengetahuan berkaitan sumber dan bekalan air serta cakna dalam penjagaan alam sekitar. Bagi memastikan kelestarian program, ia dicadangkan untuk diadakan pada setiap tahun dengan target audiens yang berbeza. Ini sekaligus dapat mengetengahkan kepakaran FSB dan mempromosi UMK dalam komuniti setempat.

PROGRAM “WASTE TO WEALTH” SEMPENA KEMPEN 3R@UMK 3.0, 2023

Oleh ChM. Ts. Dr. Noor Syuhadah Subki



Program “waste to wealth” merupakan satu program tahunan yang dijalankan di bawah kursus Pengurusan Sisa dan Pencegahan Pencemaran (EKT3063). Kursus ini melibatkan pelajar-pelajar tahun tiga Program Sains Kelestarian Alam Sekitar (SES) di bawah Jabatan Sumber Asli dan Kelestarian (JSAK). Pada tahun 2023, sedikit kelainan bagi program yang “waste to wealth” yang dijalankan. Ini adalah kerana, program ini di jalankan dengan kerjasama Jawatankuasa Pelaksana Kampus Hijau (Kriteria Sisa) dan pertandingan ini berlangsung pada hari penutup Kempen 3R@UMK 3.0 yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa di Dewan Utama UMK Kampus Jeli pada 11.12.2023.

Pelaksanaan program 3R@UMK ini bukan sahaja untuk memenuhi kriteria UI Green Metric World Universitiy Ranking tetapi merupakan langkah proaktif melestarikan alam sekitar yang ingin disemai serta dipupuk di kalangan warga kampus UMK. Antara aktiviti yang dilaksanakan bersempena Program 3R@UMK 3.0 adalah seperti perkongsian webinar bekanaan waste to wealth, pertandingan mencipta logo dan nama UMK Green Campus, pertandingan inovasi plastic waste to wealth dan pertandingan Trash to Cash.

Kelestarian sering kali diperkatakan pada masa kini. Namun, sejauh manakah masyarakat mampu menghayati konsep kelestarian dan mengaplikasikan dalam kehidupan mereka? Bagaimanakah pula konsep kelestarian ini dapat membantu dalam melahirkan komuniti yang mengimbangi di antara ekosistem alam sekitar dan kesejahteraan hidup? Konsep kelestarian ini merupakan satu paradigm pemikiran futuristik dengan mengambil kira keseimbangan persekitaran, ekonomi dan sosial dalam merancang pembangunan dan meningkatkan kualiti hidup. Dengan kata yang mudah, ia merupakan satu konsep yang mendasari prinsip bahawa semua keperluan untuk hidup dan kesejahteraan bergantung secara langsung maupun tidak langsung terhadap alam semula jadi.

FSB WEALTH HUB : KE ARAH PEMBENTUKAN KOMUNITI LESTARI

Oleh Dr. Nor Shahirul Umirah Idris



Lantaran itu, satu inisiatif di bawah Unit Keusahawanan, Jawatankuasa Pembangunan Pelajar, Khidmat Komuniti dan Hubungan Luar, Fakulti Sains Bumi telah melancarkan kempen pengumpulan barang kitar semula serta menjadi hub-pengumpulan barang kitar semula bagi mempromosikan amalan lestari dalam kehidupan sehari-hari. Kempen ini berjalan sepanjang tahun dan melibatkan pengumpulan barang kitar semula seperti kertas, botol plastik, sisa elektronik, besi dan minyak terpakai.



Tujuan kempen ini dilaksanakan adalah untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan mengitar semula barang terpakai dan juga sebagai komitmen Fakulti Sains Bumi dalam mendukung agenda dan inisiatif Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Universiti. Kempen ini juga bertujuan sebagai alternatif dalam membantu dan memudahkan warga universiti menghantar barang untuk dikitar semula tanpa perlu mencari pusat kitar semula bagi tujuan pelupusan. Hasil pengumpulan barang kitar semula ini telah dijual kepada Syarikat Everlantern Sdn. Bhd yang berperanan membeli kertas, botol plastik, sisa elektronik, dan besi manakala Syarikat Synergy Integrated Enterprise pula membeli minyak masak terpakai.

Seramai 194 orang pelajar Program Sains Sumber Asli (SEN) Tahun 1 – 3 telah menganjurkan Program Ikatan Kekeluargaan antara Pelajar Tahun 1 dan pelajar kanan Kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) (SEN) Dengan Kepujian Semester September 2023/2024. Program ini adalah salah satu inisiatif untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara semua pelajar SEN dari tahun 1 hingga tahun 3 bersama-sama dengan pensyarah SEN. Inisiatif ini adalah juga bersama Kelab Eco-friendly (SEN) untuk menyediakan kertas kerja kelulusan bagi menjalankan program ini. Kerangka pengisian aktiviti disusun dan dirangka oleh pelajar mengikut kesesuaian aktiviti yang dijalankan secara indoor.

Pelajar dibahagikan dengan secara sama rata mengikut tahun 1, 2 dan 3 serta berbilang kaum. Walaupun aktiviti ini setengah hari namun iaanya dapat mewujudkan ikatan ukhuwah terutama pelajar tahun 1 yang masih baharu dengan suasana kampus. Pelajar tahun 1 dapat mengenal senior atau pelajar kanan tahun 2 dan 3.

Sebelum acara / aktiviti dimulakan semua pelajar dan pensyarah bersenamrobik. Senamrobik telah didemonstrasikan oleh Muhammad Syawal Bin Ujang, Puteri Batrisyia Izzati Binti Mohd Azri, Muhammad Aliff Bin Suhaimi dan pasukannya. Antara aktiviti atau permainan yang dilakukan adalah memindahkan getah menggunakan penyedut minuman, memindahkan kacang menggunakan chopstick, meneka lukisan yang dilukis di belakang badan, melukis muka dengan alat kosmetik dan memasukkan bola ping pong ke dalam sarang telur serta ada beberapa lagi permainan yang perlu dihabiskan oleh setiap kumpulan. Di akhirnya, kumpulan yang dapat mengumpul markah tertinggi yang dikira berdasarkan kriteria setiap permainan, dan kerjasama antara kumpulan.

IKATAN KEKELUARGAAN PELAJAR TAHUN 1 DAN PELAJAR SENIOR PROGRAM SAINS SUMBER ASLI

**Oleh Gs. Dr. Nazahatul Anis Amaludin, Ts. Gs.
Dr. Shaparas Daliman & Rooveen a/l Kalaiselvan**



KURSUS HANDS-ON MEASUREMENT OF UNCERTAINTY DI AIN MEDICARE SDN BHD

Oleh FSB Laboratories

Dengan kerjasama Ain Medicare Sdn Bhd, satu perkongsian informasi dianjurkan mengenai measurement uncertainty dalam analisis kimia di makmal yang menepati piawaian MS ISO/IEC 17025:2017 melalui Kursus Hands-on Measurement of Uncertainty. Kursus ini dianjurkan pada 7 November 2023 di Ain Medicare Sdn Bhd oleh Puan Zatil Arumah Binti Mohd Nawi, Ketua Jabatan Kawalan Kualiti Ain Medicare Sdn Bhd. Kursus ini telah memberikan pendedahan secara amali dan langsung kepada approved signatory Makmal Berakreditasi Makmal Analisa Alam Sekitar mengenai pengiraan ketidakpastian ukuran dalam menghasilkan dan pengendalian analisa kimia terhadap sampel air secara langsung. Kursus ini dihadiri 10 peserta terdiri daripada kakitangan makmal FSB dan kakitangan makmal Ain Medicare Sdn Bhd. Disamping itu, kedua-dua pihak turut perkongsian pengalaman dalam pengurusan analisa sampel bagi metod berakreditasi yang menepati piawaian MS ISO/IEC 17025:2017.



PROGRAM PEMERKASAAN SUKARELAWAN BAGI PENGURANGAN DAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA DI NEGERI KELANTAN




Oleh Fakulti Sains Bumi dan Rising Star, Universiti Malaysia Kelantan

Kesedaran masyarakat dalam menghadapi bencana adalah penting untuk mengelakkan kehilangan nyawa, mengurangkan kerugian dan membantu kerajaan melicinkan pengurusan sesuatu bencana. Selaras dengan keperluan untuk meningkatkan kesedaran dan kesiap siagaan orang awam terhadap risiko bencana serta meningkatkan tahap kesiap siagaan jentera bagi pengurusan bencana di peringkat akar umbi, NADMA sering mengadakan Program Pengurangan dan Pengurusan Risiko Bencana berdasarkan Masyarakat (CBDRM). Oleh itu, Fakulti Sains Bumi dan Rising Star Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaysia Kelantan mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Pemerkasaan Sukarelawan bagi Pengurangan dan Pengurusan Risiko Bencana bagi meningkatkan keupayaan sukarelawan untuk bersama-sama dalam misi bencana bagi menolong mangsa banjir di Kelantan yang sering berlaku banjir setiap tahun. Program ini merupakan program pemerkasaan sukarelawan yang pertama bagi Fakulti Sains Bumi pada tahun 2023 ini.

Seramai 102 peserta sukarelawan yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Kelantan telah mengikuti latihan sukarelawan yang dijalankan di UMK Kampus Jeli pada 16 November 2023 dan di UMK Kampus Kota pada 17 November 2023. Program ini bertujuan meningkatkan keupayaan kumpulan sukarelawan supaya sentiasa proaktif membantu masyarakat mengurangkan risiko bencana dan bersiap siaga, di samping menerapkan nilai berdayatahan (resilient) menghadapi bencana. Hasil program latihan sukarelawan ini menunjukkan para peserta telah berjaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan dan pengurangan risiko bencana.

Hasil dari survei juga menunjukkan kesediaan sukarelawan bertindak sebagai fasilitator berkaitan pengurusan dan pengurangan risiko bencana berdasarkan masyarakat selain dari membina kesedaran terhadap bencana alam khususnya rantai bencana berganda. Diharap, para sukarelawan ini dapat bertindak sebagai fasilitator dan ahli jawatankuasa bagi program pengurangan dan pengurusan risiko bencana berdasarkan masyarakat (CBDRM) pada masa hadapan dalam membantu penduduk kampung agar lebih bersedia dan dapat bertindak serta merta sekiranya berlaku sebarang kejadian bencana alam di sekitar negeri Kelantan.





Kursus Projek Penyelidikan I merupakan suatu kursus yang memerlukan pelajar menyediakan sebuah hasilan penyelidikan dengan menggunakan segala pengetahuan yang telah dipelajari secara saintifik dan beretika. Seterusnya, pelajar dikehendaki membentang cadangan projek penyelidikan tahun akhir dan menulis laporan mengikut format penulisan saintifik yang telah ditetapkan oleh fakulti. Pembentangan dijalankan pada 11-12 Disember 2023 di Bilik Mesyuarat Shorea dan Bilik Seminar bertempat di Perpustakaan UMK Kampung Jeli. Program 2 hari ini melibatkan 13 pensyarah program dan 85 orang pelajar tahun 3 dari program SEN. Pembentangan ini bertujuan untuk menguji kefahaman pelajar dalam perancangan dan pengurusan penyelidikan yang bakal dijalankan.

PEMBENTANGAN CADANGAN PROJEK PENYELIDIKAN TAHUM AKHIR I PROGRAM SAINS SUMBER ASLI (SEN)

Oleh Gs Nur Kyariatul Syafinie Abdul Majid

Mobiliti pelajar pengajian tinggi merupakan salah satu petunjuk utama daya saing di kalangan universiti dan ia merupakan aspek utama bagi menilai kualiti dalam pendidikan. Kekangan jarak dan kos tidak menghalang mobiliti pelajar pelajar dijalankan menggunakan etnodologi secara maya atau atas talian. Oleh itu, sempena sambutan Hari GIS sedunia 2023, satu program mobiliti yang berfokuskan perkongsian idea peringkat antarabangsa telah diadakan oleh Fakulti Sains Bumi, Universiti Malaysia Kelantan. Program diketuai oleh Gs Dr Amal Najihah Muhamad Nor telah berjaya diadakan pada 15 Disember 2023 yang lalu. Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk berkongsi dan bertukar idea, bekerjasama dengan pelbagai kepakaran dan latar belakang, dan membina idea untuk memperkasakan aplikasi GIS dalam menyelesaikan masalah sumber asli dan alam sekitar untuk kesejahteraan sekeliling.

Selain daripada pelajar dari UMK, terdapat pelajar dari negara lain seperti Indonesia dan Brunei. Ceramah yang disampaikan perbincangan berkisarkan penggunaan teknologi GIS dalam melindungi dan memulihara ekosistem di bumi ini. Program telah dirasmikan oleh Dekan FSB, Prof. Madya Ts Dr Mohamad Faiz Moh Amin dan tiga penceramah jemputan dari Universiti dan agensi dari Indonesia termasuk pelajar sarjana telah bersama-sama berkongsi pengalaman dan ilmu mereka dalam bidang GIS kepada lebih 300 peserta.

MOBILITI PELAJAR GIS SECARA MAYA

Oleh Ts Dr Noor Janatun Naim Jemali, Dr Amal Najihah Mohamad Nor Ts Dr Shaparas Daliman, Dr Wani Sofia Udin, Mohd Khairul Aizuddin Bin Razali dan Mohamad Rohanif Bin Mohamed Ali



WORLD GIS DAY 2023 PERINGKAT UMK KAMPUS JELI

Oleh Ts Dr Noor Janatun Naim Jemali, Ts Dr Shaparas Daliman, Dr Wani Sofia Udin,
Dr Amal Najihah Mohamad Nor dan Mohd Khairul Aizuddin Bin Razali



Hari GIS sedunia dilihamkan oleh Ralph Nader sebagai hari untuk kesedaran geografi. Ia merupakan acara tahunan yang meraikan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS). Selain itu, ia merupakan pengiktirafan dan kesedaran antarabangsa tentang teknologi GIS dan cara aplikasi dunia sebenar yang membuat perubahan dalam masyarakat. Pada tahun ini, World GIS day telah dijadualkan pada 15 November 2023, tetapi sambutan peringkat kampus telah diadakan pada 16 Disember 2023. Sambutan hari GIS sedunia ini diadakan dengan tema "Navigating Borders Virtually: GIS-Enabled Student Mobility for Global Learning" dan disertai oleh 247 pelajar dari Kursus Pengenalan kepada GIS (Kod Kursus: EFT2283) dan pelajar lain dari pelbagai fakulti.

Objektif program ini diadakan adalah bagi meningkatkan pendidikan dan kesedaran tentang literasi dan penggunaan teknologi GIS selain menyediakan platform pemindahan ilmu kemahiran digital dan komunikasi antara pelajar, pensyarah dan peranti. Sealin daripada itu, platfom ini juga digunakan bagi menilai kefahaman pelajar berkaitan pengaplikasian GIS dalam kehidupan seharian melalui penghasilan poster dan pembentangan yang dijalankan oleh para pelajar. Program telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan Akademik dan Antarabagsa FSB, Prof. Madya Dr Norrimi Rosaida Awang di Dewan Utama UMKKJ. Pelbagai aktiviti dan pengisian telah diadakan termasuklah ceramah dari industri yang disampaikan oleh Pengarah Urusan I.Z EnvironMind, Tn Hj Zaidi Zin yang bertajuk “GIS in EIA study”. Aktiviti-aktiviti lain adalah seperti pameran poster GIS dan pameran daripada syarikat atau agensi seperti Ferrogeo dan UMK-TRaCE juga telah diadakan.



Jualan gerai makanan juga telah berlangsung sepanjang program dengan penyertaan lebih dari sepuluh gerai luar yang bersama-sama memeriahkan program. Diharapkan program sebegini dapat diteruskan ditahun hadapan dengan pebglibatan yang lebih menyeluruh disamping membuka minda dan memberikan laluan kerjaya kepada para pelajar berkaitan dengan GIS dan penderiaan jauh.

KERJA LAPANGAN SEG 2: KURSUS SEDIMENTOLOGI, GEOMORFOLOGI SERTA STRATIGRAFI DAN SEJARAH BUMI

Oleh Hafzan Eva Mansor, Mohammad Muqtada Ali Khan,
Elvaene James

Kerja lapangan yang menggabungkan tiga (3) kursus iaitu Sedimentologi (EGE3093), Geomorfologi (EGE4372) dan Stratigrafi dan Sejarah Bumi (EGE2033) ini melibatkan pelajar Tahun 2 Program Geosains. Kerja lapangan ini telah diadakan pada 29-30 Disember 2023. Penggabungan waktu dan tempat untuk kedua-dua kerja lapangan ini bertujuan untuk penjimatan kos dan masa memandangkan kedua-dua subjek tersebut diambil oleh pelajar yang sama, iaitu pelajar SEG 2.

Menerusi aktiviti kerja lapangan yang insentif ini, para pelajar diharapkan dapat memperkasakan ilmu pengetahuan sekaligus mempraktikkan ilmu-ilmu geologi yang dipelajari sepanjang pengajian secara teori melalui kuliah. Di samping itu, program ini dirangka khusus bagi memenuhi CLO bagi ketiga-tiga kursus yang dinyatakan diatas, memandangkan kawasan-kawasan kajian yang dipilih mempunyai singkapan yang baik untuk melihat jenis-jenis batuan sedimen yang berbeza, stratigrafi yang pelbagai serta mempunyai geomorfologi seperti karst, kawasan perbukitan, kawasan pantai, lata, sistem sungai dan paya bakau.



Program Geoscience@School 2023 yang dianjurkan oleh Fakulti Sains Bumi dan Jabatan Geosains telah diadakan pada 7 Disember di SK Sungai Rual, Jeli, Kelantan. Tujuan penganjuran program ini adalah untuk mempromosikan Program Geosains serta Fakulti Sains Bumi, Universiti Malaysia Kelantan para pelajar sekolah melalui aktiviti-aktiviti sepanjang program dijalankan. Program ini telah dihadiri oleh warga UMK Jeli (6 orang pensyarah, 3 orang pembantu makmal dan 18 orang pelajar Geosains) dan warga SK Sungai Rual (10 guru, dan 82 orang Pelajar Tahun 1- 6).

Antara aktiviti yang dijalankan adalah pameran batuan dan demonstrasi pengaliran lava gunung berapi, dinosaur puzzle serta beberapa permainan interaktif yang berunsurkan Geosains. Selain itu, beberapa model geologi turut dipamerkan seperti model gunung berapi dan model lubang benam. Video-video berkaitan kerja-kerja lapangan yang melibatkan para Pelajar Geosains UMK seperti Geo Exploration de Langkawi dan Geo Tour de Malaysia ditayangkan bagi memberi gambaran aktiviti pembelajaran dilapangan, yang secara tidak langsung dapat menarik minat para pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Geologi/Geosains di peringkat universiti kelak

PROGRAM GEOSCIENCE@SCHOOL 2023

Oleh Mohammad Muqtada Ali Khan, Nurul Syafiah binti Mat Jusof,Nor Fadzwin Ilyani binti Mohd Effandi,Hafzan Eva Mansor



Pada 20 hingga 22 Disember 2023, seramai 36 orang mahasiswa program geosains tahun 4 bagi kursus Pemantauan Air Bawah Tanah (EGE4312) telah mengadakan lawatan kerja lapangan ke agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai kerja praktikal air bawah tanah yang terdiri daripada ciri-ciri dan sebatian sumber air bawah tanah. Kerja lapangan ini telah diiringi oleh Dr Mohamad Muqtada dan En Mohd Khairul Aizuddin. Agensi yang telah dilawati adalah Agensi Nuclear Malaysia, NAHRIM dan Surechem Sdn Bhd.

Objektif utama lawatan ini adalah untuk mengaplikasikan secara proaktif dan produktif segala ilmu pengetahuan yang merangkumi teori, kemahiran dan pengalaman yang dipelajari ketika berada di kawasan lapangan yang sebenar. Selain itu, kerja lapangan ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa terhadap ciri-ciri dan penilaian parameter akuifer dengan penggunaan ujian akuifer yang tertentu.

KERJA LAPANGAN BAGI KURSUS ELEKTIF PEMANTAUAN AIR BAWAH TANAH (EGE4312)

Oleh Dr Mohamad Muqtadar Ali Khan & Mohd Khairul Aizuddin B Razali



Oleh Prof. Madya Dr. Zulhazman Hamzah, Gs. Dr. Nazahatul Anis Amaludin,
Ts. Gs. Dr. Shaparas Daliman & Aslan Kannu

KERJA LAPANGAN KURSUS PENGURUSAN EKOPELANCONG AN (ENE3183) DAN PENILAIAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI (ENT3322) PROGRAM SAINS SUMBER ASLI

Seramai 91 orang pelajar Program Sains Sumber Asli (SEN) yang mengikuti program kerja lapangan ini pada 6 hingga 8 Disember 2023 bertempat di Pualau Banding, Gerik, Perak. Tiga objektif program ini adalah mendedahkan pelajar tentang keunikan alam semula jadi dan ilmu yang berkaitan dengan kursus yang terlibat. Dua subjek yang terlibat adalah Pengurusan Ekopelancongan (ENE3183) – Prof. Madya Dr. Zulhazman Hamzah dan Penilaian Kepelbagaian Biologi (ENE3183) – Dr. Nazahatul Anis Amaludin.

Kerja lapangan ini adalah hasil perbincangan pensyarah Sains Sumber Asli (SEN) untuk menjalankan satu aktiviti yang bercorak eksplorasi pada asal perbincangan. Jika program Sains Kelestarian Alam Sekitar (SES) menjalankan Program Jelajah Lestari iaitu dengan mengadakan lawatan ke industri yang berkaitan dengan program pengajian mereka bagi mendapatkan pendedahan mendalam. Namun bagi SEN, kaedah pelaksanaan yang diambil adalah lebih kepada mengaplikasi teori yang telah dipelajari sepanjang tahun 1 dan 2 di dalam hutan.



Perancangan awal adalah eksplorasi diadakan di Taman Negara Kuala Koh. Namun begitu, program eksplorasi SEN tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat kes serangan harimau berdekatan dengan Taman Negara Kuala Koh. Di atas faktor keselamatan, program telah diadakan di Pulau Banding, Gerik, Perak.



Pelajar didedahkan dengan aktiviti yang berkaitan dengan tugas mengikut subjek masing-masing. Ia juga menjadi salah satu platform dalam mengeratkan silaturahim sesama pelajar yang berbilang kaum dalam kelas tersebut sama ada termasuk semangat kerja berpasukan dalam menyelasaikan tugas dan menguruskan sesebuah program.

Perjalanan selama 3 hari 2 malam dan bermalam di atas rumah bot pastinya memberikan suatu pengalaman yang menarik. Antara lokasi yang dilawati bagi menyelasaikan tugas subjek adalah Sungai Kooi, Sungai Papan, Santuari Kelah Sg. Ruok dan perkampungan Orang Asli, Sg. Klewang. Sesi perkongsian bagi berkongsi pengalaman dan bertukar idea hasil daripada tugas pada siang hari diadakan pada waktu malam.

Program sebegini akan diteruskan lagi kerana ia memberikan pendedahan kepada pelajar bermula daripada penyediaan kertas kerja, menguruskan tempahan rumah bot dan bas, menyenaraikan bahan keperluan makanan dan peralatan di lapangan.

PROGRAM PERSIJILAN PROFESIONAL PENJAGAAN DAN KESELAMATAN POKOK

Oleh Ts Dr Noor Janatun Naim Binti Jemali

Perkembangan pesat dalam sektor perhutanan dan arborikultur di Malaysia telah membuka banyak peluang pekerjaan terutama bagi tenaga kerja berkemahiran tinggi. Industri ini memerlukan pekerja yang berkebolehan bagi melakukan kerja-kerja pengurusan pokok hutan dan lanskap. Oleh itu, Program Pensijilan Profesional Penjagaan dan Keselamatan Pokok atau Treecare Safety Professional Certification Program dengan kerjasama Tree Care Safety (TCS) Malaysia, International Society of Arboriculture (ISA,USA) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) diketuai oleh Ts Dr Noor Janatun Naim telah dijanlankan kepada peserta termasuk alumni, pelajar tahun akhir yang sedang dan akan menggunakan kemahiran dan kapakaran ini dalam program masing-masing. Program ini ditaja penuh dibawah geran KPT-PACE Fasa 2.



Program yang dijalankan selama 12 hari bermula 19-30 Ogos 2023 yang disertai oleh 30 orang peresta ini bertujuan memberi nilai tambah kepada graduan / bakal graduan / alumni UMK dalam bentuk sijil profesional kursus ini juga dapat meningkatkan koperasi profesional graduan dalam bidangnya sendiri termasuk memberi pemahaman kepada peserta untuk melakukan kerja berkaitan Pengurusan dan Penyelenggaraan Pokok (Pemangkasan/ Penebangan) secara hands-on mengikut piawaian antarabangsa, memberi tunjuk ajar secara teori dan praktikal terhadap real-world experience kepada peserta untuk memahami proses kerja pengurusan dan penyelanggaraan pokok bagi memastikan keselamatan orang awam, pokok dan sekeliling terjaga serta memberi pendedahan dan kemahiran kepada peserta untuk mempersiapkan diri sebagai pekerja mahir (skilled-worker) untuk pengurusan dan penyelanggaraan pokok samada untuk permis kerajaan atau sektor swasta (Pusat Latihan, Resort, Kawasan peranginan dan Taman Tema) dan sektor perhutanan. Semua peserta berjaya menamatkan program dan dianugerahkan Sijil Profesional Penjagaan dan Keselamatan Pokok yang dikeluarkan oleh ISA, USA. Semoga dengan adanya kemahiran dan perakuan sijil ini, para pelajar dapat menggunakan untuk mencari dan mendapatkan kerja dalam bidang berkaitan.



LAWATAN AKADEMIK PELAJAR TAHUN 4 PROGRAM SAINS KELESTARIAN

Oleh Mohd Sukhairi Mat Rasat, Mohamad Faiz Mohd Amin & Norrimi Rosaida Awang

Pada 6 hingga 8 Disember 2023 telah diadakan satu lawatan akademik gabungan tiga (3) kursus bagi program Sains Kelestarian tahun 4 iaitu Hidrologi, Sumber Global & Perubahan Iklim dan Teknologi Perawatan Air ke stesen kaji cuaca Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) Kuala Kangsar, Perak; loji rawatan air Lembaga Air Perak (LAP) Ulu Kinta, Ipoh, Perak; kunci air pengairan sawah padi Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Sabak Bernam, Selangor serta loji rawatan kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) Kuala Langat, Selangor. Lawatan akademik ini telah disertai oleh seramai 74 pelajar Fakulti Sains Bumi (FSB) daripada program Sains Kelestarian tahun 4 dan diiringi oleh tiga (3) pensyarah pengiring yang mana juga merupakan lawatan akademik terakhir bagi pelajar program terbabit sebelum ke Latihan Industri pada semester depan.





Lawatan akademik ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan konsep sains kelestarian dengan lebih mendalam dalam konteks hidrologi, sumber global & perubahan iklim serta teknologi perawatan air, disamping persediaan kepada pelajar untuk menjalankan Latihan Industri kelak. Antara lain, lawatan akademik ini dapat mempromosikan program-program akademik yang terdapat di FSB umumnya dan program Sains Kelestarian khususnya kepada industri.

Diharapkan lawatan akademik ini dapat memberi maklumat dengan lebih khusus secara lapangan kepada pelajar berkenaan kursus-kursus yang terlibat serta pendedahan kepada bidang serta peluang pekerjaan yang boleh diceburi kelak.



KEM PERSEDIAAN DAN KEPIIMPINAN BAGI PROGRAM UNESCO WORLD HERITAGE VOLUNTEERS 2023

Oleh Nor Sayzwani Sukri dan Farah Khaliz Kedri



Bagi memantapkan kualiti fasilitator program UNESCO World Heritage Volunteers 2023 yang berlangsung pada 11-21 September 2023, satu kem persediaan dan kepimpinan telah dijalankan di UMK-TraCe, Gerik Perak selama 2 hari iaitu 9 sehingga 10 September 2023.

Kem Persediaan dan Kepimpinan ini melibatkan 20 orang mahasiswa/i terdiri daripada MPP dan sekretariat MPP Universiti Malaysia Kelantan yang terpilih menjadi fasilitator program UNESCO World Heritage Volunteers 2023.

Seramai 13 orang staf pembimbing terlibat dalam melatih dan mencurahkan ilmu kepada fasilitator-fasilitator yang terlibat ini. Dimana program selama 2 hari ini dibuat selari dengan 5 modul program UNESCO World Heritage Volunteers. Selain daripada itu, program ini telah mendapat penajaan dari Timbalan Naib Censelor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Kelantan dalam bentuk penginapan dan makanan fasilitator sepanjang program ini selama 2 hari ini.


Pihak Fakulti Sains Bumi berkongsi kepakaran bersama dengan 30 orang pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail dalam mengitar semula minyak masak menjadi sabun. Ini adalah salah satu khidmat komuniti yang dalam masa yang sama mendidik masyarakat dalam mengekalkan kelestarian alam sekitar.

KITAR SEMULA MINYAK TERPAKAI BERSAMA PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTAN ISMAIL, KOTA BHARU KELANTAN

Oleh Nor Sayzwani Sukri, Farah Khaliz Kedri, NurulSyazana Abdul Halim dan Nor Shahirul Umirah Idris



Program ini merupakan anjuran STEM Kelantan dibawah pimpinan Dr. Hartini Hashim yang juga merupakan guru kimia sekolah tersebut. Dari pihak Fakulti Sains Bumi pula melibatkan Dr. Nurul Syazana Abdul Halim, Dr.Nor Shahirul Umirah Idris, Puan Farah Khaliz Kedri dan Cik Nor Sayzwani Sukri. Pada 18 Oktober 2023, pelajar diajar cara membuat sabun dengan menggunakan minyak terpakai. Yang lebih menariknya lagi selepas program ini pelajar telah membuat sabun mereka sendiri dengan menggunakan minyak terpakai untuk kegunaan di sekolah mereka.



PEMANTAPAN PROJEK PENYELIDIKAN MELALUI KLINIK STATISTIK

Oleh Nor Sayzwani Sukri

Seramai 74 orang pelajar Tahun 4 Program Sains Kelestarian telah menghadiri kelas Klinik Statistik pada 23 Oktober 2023. Tujuan Klinik Statistik dijalankan adalah bagi membantu pelajar untuk menganalisa dapatkan kajian mereka dengan menggunakan kaedah statistik. Dr. Siti Aisyah Nawawi berkongsi kepakarannya dalam ilmu statistik seterusnya membantu pelajar dalam menjayakan dalam aspek analisa data projek penyelidikan mereka.

Selain daripada itu juga, Klinik Statistik adalah anjuran dibawah Subjek Projek Penyelidikan II (EKT 4133) Program Sains Kelestarian bagi semester September 2023/2024. Ini adalah selari dengan keperluan pengajuran klinik statistik yang wajib dijalankan bermula semester September 2021/2022 dengan tujuan untuk membantu pelajar untuk menganalisis data menggunakan statistik

HARI PENASIHATAN AKADEMIK FAKULTI SAINS BUMI 2023 DISAMBUT MERIAH

Oleh Ts Dr Noor Janatun Naim Binti Jemali

Hari penasihat akademik merupakan program tahunan yang dijalankan di FSB yang mana objektif utamanya adalah menjalankan perjumpaan formal antara Penasihat Akademik (PA) dan mentee atau pelajar dibawah jagaan pensyarah. Program ini juga menjadi platform untuk membina hubungan akrab antara staf fakulti dan juga pelajar. Di Fakulti Sains Bumi, sistem penasihat pelajar turut berfungsi sebagai suatu bentuk medium yang menghubungkan fakulti dengan pelajar di mana PA dari semasa ke semasa akan mengikuti perkembangan prestasi pelajar dan juga turut mengenalpasti perkara-perkara yang mempengaruhi prestasi pelajar. Pada tahun ini, Hari Penasihat Akademik telah diadakan pada 22 November 2023.

Hari penasihat akademik tahun ini direka dengan sedikit kelainan di mana penerapan pelbagai aktiviti PA-pelajar telah dijalankan untuk meningkatkan keterlibatan pelajar dengan staf fakulti. Pengajuran Hari Penasihat Akademik Tahun 2023 FSB bertemakan seolah kenduri atau “Bekwoh” di mana seluruh warga fakulti akan bekerjasama untuk menyediakan makanan secara rewang atau gotong royong.



Tujuan utama aktiviti ini adalah untuk memupuk rasa kepunyaan sebagai pelajar FSB disamping memperkuuh hubungan antara pelajar, pensyarah dan juga staf fakulti. Bekwoh@FSB pada kali ini juga memperkenalkan sistem pengasingan sisa sepanjang program. Ini bagi menyokong program 3R dan kampus hijau di Kampus Jeli. Selain itu, aktiviti voicebattle juga telah memeriahkan suasana program dimana ia juga menjadi platform dalam mengcungkil bakat nyayian pelajar FSB. Pelbagai pihak telah terlibat dan menjayakan program ini walaupun program dijalankan pada musim tekujuh. Kerjasama semua pihak amatlah dihargai dan diharapkan program seperti ini akan terus diadakan dimasa hadapan bagi mengeratkan hubungan PA-pelajar di FSB.





HUBUNGI KAMI

FAKULTI SAINS BUMI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
17600 JELI
KELANTAN

<https://fsb.umk.edu.my>

fsb@umk.edu.my

+609-9477341